

CUEPACS harap elaun diluluskan

Melaka Tengah: CUEPACS berharap kerajaan dapat meluluskan permohonannya untuk kenaikan elaun tetap perumahan penjawat awam.

Presidennya, Datuk Omar Osman, berkata permohonan kenaikan kadar minimum elaun tetap perumahan kepada RM480 sudah diajukan lima tahun lalu.

"Sudah lama kita memohon ini daripada kerajaan.

"Jadi, saya berharap ia (elaun) dapat dinaikkan walaupun jumlahnya masih rendah jika mengambil kira dengan kos hidup sekarang kerana sewa rumah di kawasan bandar memang membebankan," katanya selepas majlis penyampaian sumbangan bantuan untuk penduduk Palestin di Gaza daripada penjawat awam Kementerian Pertahanan Melaka di Dewan Perwira, Kem Terendak di sini, semalam.